



## **KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2004/2005**

NAMA MATA PELAJARAN : SOSIOLOGI PENDIDIKAN DALAM  
PENDIDIKAN TEKNIK DAN  
VOKASIONAL

KOD MATA PELAJARAN : MBE 1043

KURSUS : SARJANA PENDIDIKAN  
TEKNIKAL

TARIKH PEPERIKSAAN : MAC 2005

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

#### **ARAHAN:**

1. JAWAB SEMUA SOALAN DARIPADA BAHAGIAN A DALAM BORANG OMR.
2. JAWAB EMPAT SOALAN DARIPADA BAHAGIAN B DALAM BUKU JAWAPAN.
3. IKAT KERTAS SOALAN BERSAMA-SAMA KERTAS JAWAPAN.

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGITUJUHMUKASURAT

- S6 Awal abad 20 bidang sosiologi semakin penting kerana
- A manusia semakin mementingkan diri sendiri.
  - B bahasa yang sama tetapi dialek berbeza.
  - C bertambah bilangan kawasan perbandaran dan perindustrian.
  - D industri memerlukan pekerja-pekerja yang berkemahiran.
- S7 Contoh fenomena kehidupan manusia dalam kumpulan adalah seperti berikut
- A Adat, resam, tradisi, dan nilai.
  - B Undang-undang, adat, resam dan tradisi.
  - C Peraturan, undang-undang, adat dan resam.
  - D Kepercayaan, peraturan, undang-undang dan adat.
- S8 Idea utama mengenai masyarakat mengikut perspektif fungsionalisme ialah
- A konflik antara individu melahirkan kesejahteraan.
  - B terdapat persamaan di antara masyarakat dengan organisme.
  - C manusia saling berinteraksi di sepanjang hayat mereka.
  - D pendidikan dapat membentuk kehidupan manusia.
- S9 Masyarakat bergerak ke arah ekuilibrium. Maka perubahan sosial dalam masa yang singkat lebih merosakkan kerana perubahan di dalam satu bahagian di dalam masyarakat biasanya menggerakkan perubahan pada bahagian lain dalam sistem masyarakat. Pernyataan tersebut bersesuaian dengan teori
- A Perspektif Konflik.
  - B Perspektif Fungsionalisme.
  - C Perspektif Interaksionisme.
  - D Perspektif Sosialisme.
- S10 Mengikut perspektif konflik, punca utama pertentangan dalam masyarakat ialah
- A menunjuk kemewahan.
  - B mengejar pangkat.
  - C menunjuk kebenaran.
  - D menunjuk kuasa.

- S11 Yang manakah bukan perspektif konflik dalam sesebuah organisasi?
- A Kepentingan.
  - B Kompromi.
  - C Kuasa.
  - D Persaingan.
- S12 Contoh yang paling sesuai mengenai perspektif interaksionisme dalam organisasi pendidikan ialah
- A kekananan guru dihormati.
  - B mematuhi arahan pengetua.
  - C peranan guru disiplin dan guru bimbingan.
  - D peranan ibu bapa terhadap kemajuan pendidikan pelajar.
- S13 Yang manakah lebih tepat mengenai takrifan sosiologi pendidikan?
- A Mengkaji organisasi dalam pendidikan.
  - B Membentuk kumpulan-kumpulan pelajar dalam sistem persekolahan.
  - C Sains sosial gunaan yang menggunakan disiplin sosiologi untuk mengkaji pendidikan.
  - D Menggunakan ilmu pendidikan untuk mengkaji kelompok sosial.
- S14 Fungsi institusi pendidikan ialah memupuk nilai-nilai hidup bermasyarakat yang harmoni, stabil dan saling bekerjasama serta berusaha untuk mengekalkan nilai-nilai positif masyarakat di kalangan pelajar. Pernyataan ini adalah benar mengikut perspektif
- A mikro.
  - B pengikut.
  - C fungsionalis.
  - D konflik pemimpin.
- S15 Dari sudut pandangan sosiologi pendidikan yang paling tepat mengenai peranan pendidikan dalam masyarakat ialah
- A menyediakan pekerjaan dalam masyarakat.
  - B menghapuskan pengangguran.
  - C sebagai pemimpin generasi akan datang.
  - D sebagai alat kawalan sosial.

- S16 Pernyataan yang paling tepat mengenai budaya sekolah ialah
- A cara hidup di sekolah yang mengarah kepada pencapaian matlamat rasmi.
  - B cara guru mengajar pelajar seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.
  - C cara pelajar menerima pengajaran guru.
  - D tugas masyarakat memantau aktiviti sekolah.
- S17 Antara pembolehubah berikut yang tidak mempengaruhi corak organisasi dan kawalan sosial dalam sistem pendidikan formal ialah
- A Pejabat Pelajaran Daerah.
  - B peruntukan kewangan oleh Kementerian Pelajaran.
  - C persatuan bekas pelajar.
  - D badan-badan profesional.
- S18 Apakah tujuan utama kerajaan mewujudkan ‘Dasar Ekonomi Baru’?
- A Menghapuskan kelas sosial dalam masyarakat.
  - B Mengurangkan jurang perbezaan taraf sosioekonomi antara kaum.
  - C Memberi peluang perniagaan kepada semua kaum.
  - D Memberi peluang pendidikan ke peringkat tertinggi.
- S19 Pandangan sosiologi aliran Fungsi Struktur terhadap masyarakat ialah
- A bertindak seperti suatu set anggota yang hidup dan sentiasa membantu antara satu sama lain.
  - B mempunyai bahagian-bahagian atau institusi-institusi yang tidak berkerjasama dalam menjayakan matlamat masing-masing.
  - C berganding kemampuan untuk mencapai tujuan bersama tetapi bersaing bagi pembangunan bahagian tersendiri.
  - D bergerak hanya untuk menyelesaikan masalah utama yang dihadapi oleh mana-mana bahagian anggota masyarakat.
- S20 Tesis berikut merupakan bukan karya asal tokoh sosiologi Emile Durkheim.
- A The Division of Labour.
  - B The Elementary Forms of Religious Life.
  - C The Positive Philosophy.
  - D Suicide.

- S21 Fungsi pendidikan sebagai alat kawalan sosial dilakukan bukan kerana
- A masyarakat mengandungi bilangan penduduk yang terlalu ramai dan tidak mudah diselia.
  - B masyarakat memerlukan bimbingan dalam menjalani kehidupan.
  - C masyarakat perlu dilatih mengikut kehendak pemerintah.
  - D masyarakat perlu diberi peluang memahami peraturan masyarakat.
- S22 Alasan paling lemah mengapa pengagihan dan penyusunan lapis sosial boleh dilakukan oleh pendidikan ialah kerana
- A pendidikan merupakan institusi sosial yang terbesar dalam negara.
  - B pendidikan merupakan agensi sosial yang diberikan peruntukan terbanyak.
  - C pendidikan melibatkan setiap lapisan masyarakat.
  - D pendidikan terlibat secara langsung dengan pembangunan negara.
- S23 Sistem pendidikan dianggap sebagai institusi sosial kerana ciri berikut kecuali
- A pelajar dan ibu bapa terlibat bersama dalam perkembangan dan pembangunan institusi pengajian berkenaan.
  - B guru-guru ditukar berdasarkan keperluan gunatenaga, kelayakan dan kemahiran.
  - C matlamat sistem pendidikan secara amnya adalah untuk mencapai kemakmuran dan kesejahteraan keseluruhan rakyat.
  - D peranan pentadbir dan guru kerap meliputi sebagai pemimpin masyarakat.
- S24 Ideologi negara dapat dikembang melalui pendidikan dengan menggunakan kaedah berikut kecuali
- A penerapan budaya ilmu mengikut acuan negara tersendiri.
  - B mengamalkan nyanyian lagu-lagu patriotik dalam perhimpunan berkala.
  - C unsur kesetiaan kepada raja dan corak pemerintahan dipelajari dalam kurikulum.
  - D mata pelajaran sejarah diwajibkan kepada semua pelajar.

- S25 Pihak sekolah mendapati ibu bapa memainkan peranan dalam membentuk disiplin anak-anak. Pandangan pihak sekolah ini dilihat daripada perspektif berikut:
- A. interaksionisme.
  - B. konflik.
  - C. stailistik.
  - D. fungsionalisme.

## BAHAGIAN B

- S1 Pendidikan teknik dan vokasional memainkan peranan untuk melahirkan individu yang mempunyai kemahiran bekerja dan seterusnya menduduki struktur-struktur tertentu dalam masyarakat. Dengan memberi lima contoh yang sesuai bincangkan bagaimanakah institusi pendidikan teknik dan vokasional dapat berfungsi sebagai penyusun lapis ahli-ahli dalam masyarakat. (25 markah)
- S2 Nilai kepercayaan masyarakat terhadap keberkesanan sistem pendidikan di sesebuah institusi pendidikan dipengaruhi oleh budaya institusi pendidikan berkenaan. Huraikan lima contoh pengisian kepada budaya di sesebuah institusi pendidikan yang sesuai dengan nilai masyarakat setempat. (25 markah)
- S3 Huraikan lima contoh pendekatan yang dijalankan oleh sesebuah institusi pendidikan sebagai usaha untuk menanamkan nilai-nilai patriotisme dan nasionalisme di kalangan pelajar-pelajar. (25 markah)
- S4 Pendidikan formal yang progresif memerlukan perubahan dalam sistem pendidikan dari satu masa ke satu masa. Perubahan adalah perlu untuk memastikan sistem pendidikan dapat berfungsi sebagai media untuk membantu mencapai cita-cita masyarakat. Huraikan lima faktor yang menjadi penghalang kepada perubahan dalam sistem pendidikan. (25 markah)
- S5 Persijilan terbuka mula diperkenalkan di Malaysia di kalangan pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2000. Format persijilan terbuka diperkenalkan bertujuan untuk menambah nilai keadilan dalam sistem pendidikan. Huraikan lima rasional sistem sijil terbuka ini dapat diterima oleh masyarakat. (25 markah)